Ashwin Menang Anugerah Terbaik 3MT

Bayan Lepas, 18 Mei- Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Ashwin Charles Benedict dinobatkan pemenang Anugerah Peserta Terbaik atau *Best of The Best* dalam pertandingan Malaysia 3 Minute Thesis 2017 Peringkat Kebangsaan di Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini. Beliau yang merupakan pelajar Doktor Falsafah (PhD) tahun 2 turut meraih tempat pertama bagi kategori kejuruteraan.

Pembentang hasil penyelidikan Ashwin yang disampaikan penuh bertenaga dan berkeyakinan dalam masa 3 minit berjaya menarik perhatian para juri dan penonton yang hadir. Pertandingan dsertai 17 universiti awam membabitkan peserta seramai 56 orang.

Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Profesor Dato' Dr Hasnah Haron berkata, pertandingan terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori Kejuruteraan, Sains Sosial dan Sains dan Teknologi dan UMP telah menghantar dua peserta bagi kategori kejuruteraan dan seorang peserta bagi kategori Sains dan Teknologi dalam pertandingan ini.

"Ketiga-tiga peserta telah menjalani sesi latihan bersama jurulatih berpengalaman yang dilantik oleh pihak IPS iaitu Dr Chiam Kee Swan dan Normala Samsudin, yang merupakan pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK). Ketiga-tiga mereka telah menjalani sesi latihan sejak akhir bulan Mac untuk memastikan mereka bersiap sedia sepenuhnya serta tidak berasa gugup semasa pertandingan," katanya.

Lain-lain peserta adalah Jessinta A/P Sandanasamy, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan Geraldine Chan Sue Ching dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri. Mereka adalah pemenang daripada pertandingan UMP 3 Minute Thesis 2017 yang dianjurkan pihak IPS.

Turut sama menyokong dalam mencipta kecemerlangan ini adalah Prof. Dr Md. Mustafizur Rahman, Prof. Datin Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim , Prof. Madya Dr Gaanty Pragas A/L Maniam dan Mohd. Ghazali Maarof yang telah memberikan komitmen dalam memberikan cadangan penambahbaikan dari segi penyampaian dan isi kandungan bagi setiap peserta sebelum pertandingan.

Pertandingan menyaksikan Ashwin membawa pulang hadiah sebanyak 1,000 Euro yang telah ditaja oleh Springer Nature bagi kategori peserta terbaik selain daripada wang tunai RM 1,500 serta sijil. Bagi kategori kejuruteraan tempat kedua dimenangi oleh Nurliyana Abdul Raof dari Universiti Putra Malaysia dan tempat ketiga pula dimenangi oleh Natalie Vanessa Boyou dari Universiti Teknologi Malaysia yang juga penerima Anugerah Peserta Terbaik. Penyampaian hadiah turut disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia.

Dengan kemenangan ini, Ashwin Charles Benedict dan Natalie Vanessa Boyou akan mewakili Malaysia ke peringkat seterusnya iaitu di pertandingan 3 Minute Thesis Asia Pasifik 2017 di Brisben, Australia pada 29 September 2017 nanti.

Disediakan oleh Ahmad Zarif Ahmad Fauzi dari Institut Pengajian Siswazah.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 25-05-2017, 15:21:08